



25 FEB, 2024

FAMA Melaka laksana 304 program jualan Agro MADANI

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA Melaka laksana 304 program jualan Agro MADANI



REBUT PELUANG... Low Chee Leong menyerahkan Kombo MADANI kepada pembeli pada sesi 'happy hour' selepas merasmikan Program Jualan Agro MADANI @ Aeon Bandaraya Melaka di Melaka, kelmarin. • Foto BERNAMA

MELAKA: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Melaka telah melaksanakan 304 Program Jualan Agro MADANI sepanjang tahun lepas, dengan nilai jualan berjumlah RM5.96 juta.

Timbalan Exco Kemajuan Desa Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Low Chee Leong berkata menerusi program itu, nilai penjimatan yang dapat dinikmati rakyat ialah sebanyak RM1.78 juta,

melibatkan 171,000 pengguna.

"Pencapaian berkenaan melepasi sasaran awal pelaksanaan Program Jualan Agro MADANI sepanjang tahun lepas, iaitu 301 kali dengan nilai jualan RM3.5 juta.

"Penganjuran program jualan berkenaan melibatkan 3,345 usahawan di seluruh Melaka, yang menawarkan jualan barangan keperluan asas lebih murah antara penjimatan 10 hingga 30 peratus," katanya kepada pemberita di sini, kelmarin.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Jualan Agro MADANI @ Aeon Bandaraya Melaka yang turut dihadiri Pengarah FAMA Melaka, Nor Azhar Abdul Hamid.

Low berkata pelaksanaan Program Jualan Agro MADANI akan dipertingkatkan pada tahun ini, dengan sasaran sebanyak 400 kali melibatkan nilai jualan berjumlah RM4 juta.

Beliau berkata hingga 18 Februari lalu, program jualan itu telah berjaya dilaksanakan sebanyak 61 kali dengan nilai jualan RM1.08 juta.

"Program jualan ini telah melangkah setapak ke hadapan, apabila memasuki pasar raya dalam usaha mendekati lebih ramai pelanggan seterusnya salah satu alternatif pemasangan terus peserta program ladang kontrak di bawah seliaan FAMA.

"Sebagai contoh, pelaksanaan Program Jualan Agro MADANI di AEON Bandaraya Melaka melibatkan 15 lot niaga dengan jumlah 12 usahawan tani buah-buahan, sayur-sayuran, produk industri asas tani, produk Agromas dan nurseri," katanya.

Beliau berkata program jualan berkenaan yang berlangsung selama empat hari bermula kelmarin menyasarkan nilai jualan RM300,000, dengan kehadiran pengunjung sebanyak 20,000 orang. - Bernama



25 FEB, 2024

FAMA Melaka laksana 304 program jualan Agro MADANI

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

MELAKA: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Melaka telah melaksanakan 304 Program Jualan Agro MADANI sepanjang tahun lepas, dengan nilai jualan berjumlah RM5.96juta.

Timbalan Exco Kemajuan Desa Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Low Chee Lee^herkata menerusi program itu, nilai penjimatan yang dapat dinikmati rakyat ialah sebanyak RM1.78 juta,

melibatkan 171,000 pengguna. "Pencapaian berkenaan melepasi sasaran awal pelaksanaan Program Jualan Agro MADANI sepanjang tahun lepas, iaitu 301 kali dengan nilai jualan RM3.5 juta.